

**PEMBANGUNAN AKADEMIK SUKAN: PEMANGKIN
INDUSTRI SUKAN DI MALAYSIA**

**ACADEMIC DEVELOPMENT OF SPORTS:
BASIS OF SPORTS INDUSTRY IN MALAYSIA**

Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud

Wirdati Mohd. Radzi

Habib Mat Som

Shahrir Jamaluddin

Abdul Rahman Idris

Universiti Malaya

Sports management as an area of academic preparation is a relatively recent phenomenon in Malaysia. The first sports science degree program was introduced by the University of Malaya only in July, 1995. Since then many public and private local universities began offering sports science degree programs at various levels. This article discusses the need, role and importance of sports science as an academic endeavor at public and private institutions of higher learning in Malaysia. The general overview of the sport industry is presented. While a range of programs is offered, attention must be given to the relevance of such programs to local needs. Sports development is high on the national development agenda based on the recent increase in allocation for sports in the Ninth Malaysia Plan. Local universities must now reassess and restructure sports science academic programs so that the educational process stays relevant to the changing needs of local sport development.

Sejak kebelakangan ini perkembangan industri sukan negara telah menjadi semakin pesat dan lebih menyeluruh. Ianya jelas ditonjolkan dalam sektor industri utama iaitu seperti permainan dan pemain sehinggalah sektor industri kedua iaitu prasarana dan arena sukan. Kesan daripada Sukan Komanwel yang dianjurkan pada 1998 telah memberi petanda bahawa negara ini akan menjadi tumpuan dalam penganjuran sukan di peringkat antarabangsa (Megat Daud, 2000). Kejohanan pelbagai jenis sukan di peringkat antarabangsa telah pun di adakan dan sedang dirancang oleh pelbagai pihak terutamanya kerajaan demi memenuhi hasrat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai titik tumpu atau 'hub' sukan di rantau ini. Kejohanan seperti temasya Sukan SEA, Hoki Piala Dunia (2002), Sukan FESPIC (2006), kejohanan tahunan Malaysian Grand Prix Formula 1 dan sebagainya mengukuhkan lagi bukti bahawa Malaysia mampu dan sedang menjana kepakaran untuk menganjurkan temasya sukan peringkat antarabangsa. Bukan itu sahaja, Malaysia juga menghadapi saingan dalam usaha untuk menjadi 'hub' sukan di rantau ini apabila, baru-baru ini, negara jiran Singapura telah mula juga berkempen untuk memasarkan negara itu sebagai 'hub' industri sukan antarabangsa dengan menawarkan pakej perkhidmatan sukan yang menarik kepada syarikat multinasional sukan.

Secara amnya, objektif artikel ini adalah untuk membincangkan tiga persoalan yang dapat ditimbulkan berdasarkan fenomena ini, iaitu:

1. Sejauh manakah keperluan dan kepentingan industri sukan di Malaysia?
2. Sejauh manakah pula keupayaan negara dalam industri tersebut?
3. Apakah persediaan negara dalam menghadapi proses ubah ansur ini dari segi persediaan akademik sukan?

Definisi Industri Sukan

Sebelum perbincangan dilanjutkan mengenai keperluan modal insan dalam bidang sukan di Malaysia, ada baiknya ditinjau status sukan sebagai satu prospek industri tempatan. Di Amerika Syarikat nilai industri sukan telah meningkat naik daripada tangga ke 22 pada tahun 1987 ke tangga ke 11 dalam tahun 1995 (dalam jangkamasa kurang 10 tahun) dengan jumlah pendapatan bernilai USD152 bilion mengatasi industri automotif dan petroleum (Meek, 1997). Menurut mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad, Perlumbaan Formula One Malaysia pada tahun 2000 misalnya telah menghasilkan impak pengganda industri sukan bernilai hampir RM 1 bilion (Star 23 Mac 2000).

Walaupun secara khususnya tiada terdapat statistik dan kajian yang dibuat dalam menentukan nilai sebenar industri sukan negara ini secara ilmiah namun keluasan pengaruh sektor ini boleh dilihat secara makro sebagai perbandingan dengan negara maju khususnya Amerika Syarikat yang merupakan pelopor industri sukan dunia (Megat Daud, 2000). Kajian dan usaha untuk menentukan nilai sebenar industri sukan di Amerika sentiasa dibuat dan ini amat memudahkan dan dapat kita jadikan model atau garis panduan untuk digunakan di dalam pengukuran industri sukan tempatan.

Secara dasarnya, industri adalah satu kumpulan organisasi yang pelbagai di dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang saling bergantung antara satu sama lain yang mana matlamat akhirnya adalah keuntungan. Sementara menurut satu definisi (Ming Li, Hofacre, & Mahony, 2001) industri sukan adalah terdiri daripada organisasi-organisasi yang mempunyai fungsi dan fokus utamanya kepada sukan atau perkhidmatan kepada organisasi sukan. Manakala Brooks (1994) pula mengatakan bahawa Industri Sukan terdiri daripada "sekumpulan perusahaan yang menghasilkan barangan atau perkhidmatan sukan berdasarkan pengkhususan kerja dan melibatkan kepakaran individu yang semakin berkembang untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan sukan yang berkesan."

Mengikut Mullin (1980) industri sukan menawarkan permainan '*packaged*' atau acara kepada penonton atau pengguna yang lain. Ia juga menawarkan kemudahan, peralatan dan acara kepada pemain. Industri sukan juga menawarkan bantuan perkhidmatan am, kawalan dan publisiti kepada organisasi yang lain.

Ringkasnya definisi Industri Sukan ini amat luas ruang lingkupnya di samping sangat dinamik dan sentiasa berkembang merangkumi keseluruhan organisasi pengeluar, pembekal barangan dan perkhidmatan sukan untuk konsumer sukan secara langsung mahupun tidak. Organisasi-organisasi tersebut berurusan atas dasar pengkhususan kerja dan kepakaran masing-masing dan saling bergantung antara satu sama lain. Dari definisi yang pelbagai di atas, terdapat satu perkara pokok yang jelas: kerjaya dalam sukan ini mula dilihat sebagai satu pekerjaan atau kerjaya yang serius dan sepenuh masa di mana perancangan yang teliti harus dibuat demi kelancaran acara atau aktiviti sukan. Kita mula sedar juga betapa acara sukan tidak dapat berdiri

dengan sendiri malah sangat bergantung kepada sektor-sektor industri yang lain. Sebagai contoh kita lihat proses penganjuran Sukan Komanwel ke 16, "Kuala Lumpur 98". Perancangan yang mantap telah dibuat seawal 10 tahun sebelumnya oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia untuk menawarkan Malaysia sebagai tuan rumah melalui proses bidaan (*bidding*). Kemudian perancangan prasarana Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan beberapa lagi fasiliti sukan di sekitar Lembah Kelang dan seluruh Malaysia pula dibuat setelah Kabinet meluluskan peruntukan yang berkaitan.

Tanpa sokongan dan penglibatan dari sektor industri konvensional yang lain maka sudah tentu projek besar ini tidak akan berjaya. Sekali imbas boleh dikatakan kesemua sektor industri konvensional ada kaitan rapat dengan industri sukan. Malah setengah para akademik pengurusan sukan berpendapat dan mengatakan bahawa industri sukan ini adalah gabungan berbagai bidang (*multi-disciplined area*) yang lebih luas dan kemudian diguna pakai (*applied*) kepada sukan. Walaupun terdapat banyak persamaan antara industri sukan dan industri perniagaan konvensional namun ada beberapa perkara yang membezakan industri sukan ini dari industri konvensional antaranya (walaupun tidak hanya terhad kepada):

1. Produk industri sukan mempunyai jangkahayat pendek (*short shelf-life*) dan diguna pada masa itu juga (*on site*), misalnya perlawanan bolasepak. Produk industri biasa boleh digunakan pada bila-bila masa misalannya kereta.
2. Kegunaan produk industri sukan yang sangat terhad, contohnya stadium yang hanya boleh menampung sebilangan penonton sahaja dan padang bolasepak di dalam stadium tersebut yang boleh menampung jumlah yang lebih kecil manakala produk industri konvensional mempunyai had gunaan yang tidak begitu terbatas.
3. Adakalanya sukar mengawal kualiti dan konsistensi produk industri sukan misalnya kecergasan atlit dan mood atau perasaan penonton. Produk industri konvensional lebih mudah dikawal dari segi ini.
4. Produk industri sukan yang sangat bergantung kepada elemen kemanusiaan (*human element*) seperti perasaan yang dikongsi bersama oleh semua peminat bolasepak negeri Perak apabila pasukan kesayangan mereka berjaya mara ke perlawanan akhir dan seterusnya menjuarai Liga Perdana 2000 hingga menyebabkan kesemua 25000 tiket ke perlawanan akhir itu habis dijual. Produk industri biasa biarpun mempunyai elemen kemanusiaan itu seperti kereta yang menimbulkan rasa bangga kepada pemiliknya namun pemarkas kereta tersebut tidaklah begitu bergantung kepada sentimen yang sama untuk memastikan penjualan keretanya laris.
5. Industri konvensional sangat bermotifkan komersial dan keuntungan manakala industri sukan biarpun keuntungan juga adalah satu matlamat namun kerap kali matlamat sebenar sesuatu acara sukan dijalankan adalah lebih bersifat bukan keuntungan. Misalnya penganjuran Sukan Paralimpiad Rantau Pasifik (FESPIC) 2006 yang sangat tinggi dari segi kos, namun ia masih penting kerana dapat membuka ruang keterlibatan lebih ramai atlit kurang upaya.

6. Bagi industri sukan, oleh kerana elemen dalaman seperti natijah sesuatu acara itu hampir mustahil untuk ditaksirkan maka elemen luaran sangat diambil berat, misalnya cuaca dan bagaimana caranya untuk mengadakan sesuatu acara walaupun terdapat gangguan semulajadi seperti itu. Ini adalah kerana faktor luaran seperti cuaca itu sangat mempengaruhi kualiti produk sukan yang bakal disajikan kepada pengguna hingga boleh menurunkan tahap keseronokan penonton. Faktor dan elemen luaran walaupun penting tetapi tidaklah mempunyai pengaruh yang besar kepada industri konvensional.

Nilai dan Segmentasi Industri Sukan Tempatan

Industri sukan juga adalah merupakan suatu sektor yang mempunyai pembahagian (*segmentation*) yang banyak. Terdapat pelbagai sektor sukan profesional (seperti Liga Perdana), sukan peringkat universiti (seperti Majlis Sukan Universiti Malaysia, MASUM) sukan sekolah (seperti Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, MSSM) sukan antara kelab, sukan amatur, sukan massa dan aktiviti sukan yang mempunyai elemen komersil serta kemudahan rekreasi dan organisasi perkhidmatan sukan. Kalau dilihat dari aspek penerapan nilai komersil dalam sukan tempatan, ianya dapat dikesan ketika konsep 'Persyarikatan Malaysia' cetusan idea mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad diterjemahkan oleh mantan Menteri Belia dan Sukan Datuk Abdul Ghani Othman menerusi program Rakan Sukan di awal tahun 90-an (Sabirin, 1999). Konsep Rakan Sukan ini menggabungkan persefahaman dan kerjasama intim antara pihak kerajaan, sektor swasta (sebagai tanggungjawab sosial dan menjadi nilai tambah komersil), persatuan dan peminat sukan ke arah kecemerlangan sukan.

Mengikut perangkaan Rancangan Malaysia Kelima, jumlah peruntukan pembangunan sosial bagi program sukan dalam tempoh 1986 hingga 1995 adalah bernilai RM97 juta walaupun yang dibelanjakan adalah RM49 juta. Seterusnya di dalam Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan untuk program sukan dilihat meningkat kepada RM179 juta. Rancangan Malaysia Kesembilan yang baru diumumkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada akhir tahun 2006 telah mengukuhkan lagi sokongan kerajaan yang serius terhadap pembangunan sukan tempatan dengan peruntukan sebanyak dua kali ganda peruntukan sukan Rancangan Malaysia Kelapan. Ini jelas menunjukkan betapa kerajaan sendiri amat menitikberatkan pembangunan sukan dan yakin dengan potensi bidang ini untuk berkembang seterusnya menjana keuntungan ekonomi dan modal insan kepada negara.

Di negara kita, nilai impak pengganda sukan adalah infiniti. Hampir semua sektor ekonomi lain ada bersangkut paut dengan industri ini seperti pelancongan sukan, pendidikan sukan, perlombongan dan perhutanan taman tema dan rekreasi sukan, pembuatan dan pengilangan sukan, media sukan, hotel dan katering sukan dan lain-lain lagi. Meek (1997) telah mengukur saiz industri sukan serta aktiviti sokongan di Amerika Syarikat. Meek telah mencadangkan supaya industri sukan dipecahkan kepada tiga sektor utama iaitu: a) Hiburan Sukan dan Rekreasi – acara, pasukan dan peserta individu; b) Produk, Rekaan dan Pehidmatan Sukan – rekaan alatan terkini, pengeluaran dan pengagihan produk sukan dan sebagainya; c) Organisasi Sukan Sokongan – seperti liga, syarikat pemasaran, syarikat guaman dan sebagainya (Meek, 1997).

Di Malaysia, tiada sebarang kajian serupa pernah dijalankan untuk menilai sektor industri sukan. Oleh yang demikian, dengan menggunakan Teori Meek (1997), sektor sukan sebagai hiburan adalah satu sektor yang paling tampak di Malaysia. Acara sukan dipelbagai peringkat terus diadakan memandangkan wujudnya pelbagai prasarana bertaraf antarabangsa. Sistem perhubungan yang canggih dan kewujudan Koridor Raya Multimedia juga turut membantu menjadikan Malaysia pilihan lokasi penganjuran sukan antarabangsa. Sektor pelancongan sukan adalah suatu sektor yang semakin berpotensi menjana pendapatan. Tahun 1988 yang telah diisytiharkan sebagai Tahun Sukan dan Rekreasi oleh Kementerian Belia dan Sukan menjadi bukti kukuh bahawa sektor ini semakin mendapat pengiktirafan dari kerajaan atas kepentingan dan sumbangan terhadap ekonomi negara. Permintaan terhadap media sukan juga semakin ketara, tambahan pula dengan konsep '*global village*' dan kemudahan melayari Internet melalui jalur lebar telah menyebabkan pengguna menjadi lebih peka terhadap status sukan antarabangsa terkini dan memudahkan pengguna Malaysia mengikuti perkembangan tersebut.

Aliran perkembangan konsep taman tema di Malaysia juga amat menggalakkan sejak lima hingga enam tahun kebelakangan ini. Di sekitar Lembah Kelang sahaja, taman-taman tema tumbuh dengan banyak dan pesat bagaikan cendawan selepas hujan. Faktor ini adalah disebabkan keadaan ekonomi negara yang stabil dan meyumbang kepada kuasa membeli pengguna serta keinginan pengguna untuk menyalurkan tekanan kerja seharian dengan berehat bersama keluarga. Kalau sepuluh tahun dahulu, taman tema terdekat mungkin hanya didapati di negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Thailand, kini taman tema Malaysia adalah antara tarikan utama kedatangan pelancong dari luar negara.

Sektor pembuatan dan pengagihan produk sukan juga wujud di Malaysia. Negara kita memiliki jenama barangan sukan yang setanding dengan jenama barangan sukan antarabangsa. Malah, tenaga kerja berkualiti juga menjadi faktor utama pemilik jenama antarabangsa menjadikan Malaysia sebagai pelabuhan '*entrepoti*' dan syarikat pengeluar dan pengilang barangan mereka terutamanya barangan ringan seperti pakaian, kasut dan sebagainya.

Sektor yang ketiga yang tidak kurang pentingnya ialah organisasi sukan sokongan. Sektor ini dipecahkan kepada tiga sektor lagi iaitu Sukan Amatur, Sukan Profesional serta Persatuan dan Kelab Rekreasi. Dengan adanya usaha dari pihak kerajaan untuk mengemaskini daftar persatuan sukan di Malaysia melalui pengubalan Akta Pembangunan Sukan 1997 adalah diharapkan pengurusan serta pentadbiran sukan negara akan lebih profesional dan mantap.

Secara keseluruhannya, kita dapat perhatikan bahawa impak ekonomi dan pengganda sukan amat besar. Impak Ekonomi termasuklah segala aktiviti ekonomi secara langsung dan tidak langsung dan terhasil dari wang baru yang dimasukkan ke dalam sesuatu sistem ekonomi sementara Impak Pengganda adalah gandaan berapa kali wang yang sama telah dibelanjakan. Contohnya, apabila sesuatu acara sukan tempatan membawa masuk wang dari pelancong, wang tersebut digunakan untuk membayar pekerja perkhidmatan tempatan. Pekerja itu kemudiannya menggunakan wang itu semula di dalam sistem ekonomi tempatan apabila membeli barangan keperluan harian, membayar bil dan sebagainya. Impak ekonomi dari acara sukan ialah wang baru yang masuk hasil perbelanjaan pelancong asing. Impak pengganda ialah apabila wang itu digunakan kembali dan membantu menyuburkan perniagaan tempatan yang lain.

Persediaan Akademik Sukan di Malaysia

Jelas kini bahawa negara kita telah membuat pelaburan yang besar dalam membangunkan sukan di Malaysia. Secara dasarnya, sukan adalah sebahagian dari agenda modenisasi negara. Ini dibuktikan melalui penggubalan Dasar Sukan Negara (National Sports Policy, 1989). Dasar Sukan Negara menggariskan bahawa pembangunan sukan negara adalah sebagai sebahagian usaha regenerasi sosial dan ianya mestilah seiring di antara pembangunan sukan elit dan sukan massa.

Apabila sukan mula dijadikan sebagai perniagaan maka perancangan yang teliti perlu diadakan untuk mengurus sukan tersebut dan di sinilah akan kita perhatikan apa yang dikatakan kepentingan persediaan akademik sebagai seorang pengurus sukan. Dari perspektif Chelladurai (1986), pengurusan merangkumi empat fungsi pentadbiran yang seharusnya dimiliki oleh seseorang pengurus yang berkesan iaitu *Planning* (Perancangan), *Organizing* (Pengendalian), *Leading* (Pentadbiran melalui Kepimpinan) dan *Evaluating* (Penilaian) yang disebut juga sebagai prinsip POLE. Sementara Daft (2003) menerangkan dengan lebih lanjut bahawa pengurusan adalah:

a set of activities, including planning and decision making, organizing, leading and controlling, directed at an organization's human, financial, physical and information resources, with the aim of achieving organizational goals in an efficient and effective manner.

Secara ringkas, seorang pengurus sukan mempunyai tanggungjawab yang sukar, selain dan tidak terhad hanya kepada berasaskan prinsip POLE, beliau juga harus peka terhadap keunikan sukan itu sendiri agar dapat beliau aplikasikan prinsip tersebut kepada suasana sukan yang lebih khusus. DeSensi et al. (1988) seterusnya mendefinisikan Pengurusan Sukan sebagai:

any combination of skills related to planning, organizing, directing, controlling, budgeting, leading and evaluating within the context of an organization or department whose primary product or service is related to sport and/or physical activity.

Dari definisi ini, kita dapat rumuskan bahawa pengurusan sukan adalah pemakaian dan penyesuaian konsep pengurusan konvensional kepada suasana unik dan khusus sukan. Dengan cara ini, pengurusan sukan yang sebelumnya biasa dilakukan secara *ad hoc* kini mula ditadbir secara lebih teratur, sistematik dan berkesan. Pengurusan sukan menurut Parks dan Quarterman (2003) wujud dalam dua bentuk. Pertama ialah dalam bentuk kerjaya profesional di mana terdapat pelbagai pilihan kerjaya yang berkaitan dengan pengurusan dalam pasaran kini. Keduanya ialah bidang akademik sebagai persediaan untuk kerjaya profesional iaitu sebagai suatu kursus pengkhususan (major) di institusi pengajian tinggi.

Bidang pengurusan sukan telah bermula di Amerika Utara dalam kedua-dua bentuk yang dinyatakan di atas sekitar lima puluh tahun lalu. Sementara di Malaysia, kerjaya dan disiplin akademik ini baru bermula kira-kira sedekad yang lalu. Di Amerika mahupun di Malaysia, kedua-dua bentuk ini saling berkaitan di mana bidang persediaan akademik diberi tumpuan memandangkan keperluan di dalam pasaran kerja terhadap pengurus sukan yang berkesan semakin meningkat naik. Suatu contoh yang nyata mengenai tumpuan yang diberikan kepada persediaan akademik ini di

Malaysia ialah peruntukan perundangan di dalam Akta Pembangunan Sukan 1997 yang berkuatkuasa pada Januari 1998 di mana disebut secara khusus di dalam Seksyen 7 Bahagian II bahawa:

Menteri boleh, ke arah membangunkan sukan, mengambil segala tindakan yang perlu untuk menggalakkan pembangunan sains sukan di institusi pendidikan tinggi di Malaysia dan bagi maksud ini boleh memberikan segala bantuan yang difikirkannya perlu.

Sesuai dengan peruntukan itu, maka kita dapati beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan mula menawarkan program akademik berasaskan pengajian sains sukan dengan Universiti Malaya pada tahun 1995 sebagai pelopor bidang in yang akan diterangkan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

Sejarah Perkembangan Disiplin Pengurusan Sukan

Perkembangan bidang pengurusan sukan tempatan banyak dipengaruhi oleh perkembangan bidang ini di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Eropah dan Asia lain. Ini tidak menghairankan memandangkan Malaysia juga banyak mengalami proses asimilasi sukan asing dan kesediaan untuk menganggap serta menerima sukan itu sebagai milik sendiri. Contohnya seperti sukan bolasepak yang dibawa masuk ke Malaysia oleh golongan tentera British di era pra-Kemerdekaan. Boleh dikatakan semua sukan di Malaysia mempunyai pengaruh dari luar kecuali mungkin sepaktakraw yang asalnya adalah disebut sepak raga dapat dikesan tertulis di dalam buku *Sejarah Melayu* karangan Tun Sri Lanang (Khoo, 1985).

Di Amerika Syarikat, inspirasi untuk suatu kurikulum khusus tentang Pengurusan Sukan dapat dikesan seawal 1957, apabila Walter O'Malley, pemilik pasukan besbol Los Angeles Dodgers waktu itu menulis kepada James Mason, seorang pendidik di Universiti Ohio bertanyakan soalan di bawah:

Where would one go to find a person who by virtue of education had been trained to administer a marina, race track, ski resort, auditorium, stadium, theatre, convention or exhibition hall, a public complex, or a person to fill an executive position at a team or league level. (Parks & Quarterman, 2003)

Tidak lama selepas itu, Universiti Ohio telah memulakan program pengurusan sukan di peringkat Sarjana pada tahun 1966. Program akademik itu adalah program Pengurusan Sukan gunaan yang pertama sekali di Amerika Syarikat dan sehingga awal tahun 1990 terdapat lebih 200 orang pelajar siswazah dan pasca-siswazah dalam bidang pengurusan sukan di seluruh Amerika Syarikat dan Kanada. Amerika dianggap sebagai perintis di dalam bidang sukan sebagai perniagaan dan hiburan dalam industri sukan secara globalnya. Kebanyakan negara di dunia ini sering menggunakan Amerika sebagai model untuk keunggulan sukan dan Malaysia tidak terkecuali. Walaupun demikian, tidak semua contoh harus diambil dari Amerika, dan para pengurus sukan di Malaysia harus peka dengan situasi tempatan yang lebih berciri Asia dan tentunya terdapat percanggahan antara kedua budaya ini yang perlu dibeza dan dihormati.

Hampir tiga puluh tahun kemudiannya, di Malaysia, Universiti Malaya telah memulakan program akademik di Pusat Sukan dengan penawaran ijazah Sarjana Muda Sains Sukan melalui program akademik empat tahun (kini tiga) dengan tiga jurusan pengkhususan (major) iaitu:

1. Pengurusan Sukan
2. Psikologi Sukan dan Kejurulatihan
3. Fisiologi Sukan dan Terapi Atlit

Program yang bermula pada tahun 1995 ini juga adalah merupakan yang pertama di Malaysia khususnya dan di rantau Asia Tenggara umumnya. Program dan kurikulum Sains Sukan di Universiti Malaya ini telah direka khusus untuk memenuhi kehendak dan keperluan pasaran tempatan setelah kajian terperinci dilaksanakan. Sebagai garis panduan, kurikulum pengajian sukan (*sports studies*) dan sains sukan (*sports science*) adalah disesuaikan dari hasil kajian perbandingan yang dibuat di universiti-universiti yang menawarkan kursus yang sama di Amerika Utara dan Eropah. Program ini tercetus idea dari Naib Canselor Universiti Malaya pada ketika itu, Allahyarham Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi Ahmad yang menyedari kepentingan pengurusan sukan secara profesional. Tugas berat itu kemudiannya diserahkan kepada Pusat Sukan yang diketuai oleh mantan Pengarah Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim, seorang peminat sukan dan pakar sejarah sukan yang sering menyumbangkan penulisan dan kritikan mengenai sukan di dalam akhbar, majalah dan makalah sukan tempatan.

Program dan kurikulum pengajian sains sukan ini seterusnya telah diasaskan dan disusun oleh mantan Timbalan Pengarah Pusat Sukan, Encik Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. Sebagai latarbelakang, Encik Megat Ahmad Kamaluddin berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Pentadbiran Sukan) dan Sarjana Sains (Pengurusan Sukan) dari Universiti St. Thomas, Miami, Florida. Beliau adalah antara anak Malaysia pertama yang mempunyai kelayakan akademik Pengurusan Sukan dalam peringkat ijazah dasar dan sarjana. Ini penting kerana sebelum ini persediaan akademik sukan sering dilaksanakan sebagai sebahagian program Pendidikan Jasmani memandangkan kelayakan penggubal program adalah dalam Pendidikan Jasmani. Seterusnya, kajian kemungkinan pra-program yang telah disusun beliau telah memberi keunikan program di Universiti Malaya kerana ianya mengambil kira keperluan dan perkembangan pasaran di dalam industri sukan tempatan dan seterusnya menjadi model asas.

Sejurus selepas itu beberapa institusi pendidikan tinggi awam dan swasta lain mula menuruti jejak langkah Universiti Malaya, seperti Institut Teknologi MARA (kini UiTM), Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan banyak lagi. Perlu juga disebut di sini bahawa hanya UM, UMS dan UiTM sahaja yang menawarkan program akademik untuk pengurusan sukan sementara UiTM lebih berfokuskan rekreasi. Program akademik sukan UTM adalah berteraskan pendidikan. Begitu juga program akademik sukan UPM yang lebih menjurus kepada Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Pemahaman Tugas, Kemahiran Asas, serta Peranan Persediaan Akademik dan Peluang Kerjaya dalam Pengurusan Sukan

Mengurus sesuatu acara atau organisasi sukan adalah keterangan tugas utama seorang pengurus sukan. Persoalannya mungkin kini, bagaimana hendak kita lakukannya,

dimana dimulakan, bagaimana pula sekiranya struktur organisasi kita berbeza dengan yang lain? Dengan mengambil kira keunikan setiap organisasi dan/atau acara, secara umumnya terdapat empat kelompok tugas dan tanggungjawab yang biasanya dijalankan oleh pengurus sukan iaitu: 1) Tugas pengurusan umum; 2) Tugas pengurusan organisasi; 3) Tugas pengurusan informasi; dan 4) Latihan dan sains sukan.

Kelompok tugas pengurusan yang umum adalah di mana semua pengurus sukan harus sekurang-kurangnya faham dan dapat melaksanakannya. Tugas seperti mempromosikan dan menawan hati pengguna/penonton seharusnya menjadi sesuatu yang lumrah terutama kepada pengurus organisasi atau acara sukan yang bermotifkan keuntungan ataupun penyertaan awam. Kemahiran sebegini disebut sebagai kemahiran mudah-alih (*transferable skills*) kerana ianya dapat digunakan di hampir kesemua suasana kerja (*work setting*).

Seterusnya, tugas-tugas lain adalah kesinambungan dari kelompok tugas pengurusan umum. Kita dapati bahawa kelompok tugas ini lebih menjurus kepada kepakaran di dalam bidang-bidang yang tertentu dan ianya adalah berbeza dari satu kelompok ke kelompok yang lain. Sebagai contoh, kepimpinan dan kemahiran pengurusan dikatakan penting untuk mentadbir tugas di bawah kelompok pengurusan organisasi seperti kemahiran untuk mengarah dan menyelia pekerja di dalam suatu program rekreasi di majlis perbandaran atau di sebuah kelab atau unit sukan sebuah bank dan sebagainya.

Di bawah kelompok pengurusan informasi pula, kemahiran berkomunikasi secara bertulis dan lisan adalah di antara kemahiran yang sangat diutamakan. Pengamal bidang ini dikehendaki boleh mendapat, mengkaji, menyuai-padan, menyimpan, mengeluarkan, menyusun dan menyebarkan maklumat mengenai sukan. Kini, golongan ini dikehendaki untuk berkebolehan mengendalikan dan memproses data dengan menggunakan teknologi komputer dan Internet. Contoh petugas di dalam kelompok ini ialah pengarah pemasaran sukan, pengarah maklumat sukan dan wartawan sukan.

Tugas di bawah kelompok latihan dan sains sukan memerlukan kepakaran yang lebih khusus di dalam bidang berasaskan sains. Anda akan dapati bahawa peluang pekerjaan di dalam kelompok ini ialah seperti (walaupun tidak terhad hanya kepada) pemulihan kardiak, kondisi sukan, program penyediaan dan latihan atlit, program akuatik, program rekreasi (sama ada di kampus, agensi kerajaan atau bukan kerajaan, resort, hotel dan sebagainya) dan juga industri kecergasan fizikal (seperti kelab kecergasan, gym dan sebagainya). Pengurus sukan setidak-tidaknya perlu mempunyai pengetahuan paling minimum dari setiap kelompok tugas. Sebagai contoh, di samping mempromosikan aktiviti sukan yang dianjurkan organisasinya, beliau juga perlu mengambil kira faktor kecergasan atlitnya, faktor luaran yang boleh mempengaruhi kelancaran aktivitinya (seperti cuaca dan sebagainya) serta memastikan bahawa beliau tidak melangkaui batasan belanjawan organisasinya dan aktiviti itu sendiri dapat membantu organisasi beliau mencapai matlamat organisasi.

Oleh yang demikian, langkah pertama yang harus diambil oleh seorang bakal pengurus sukan ialah memilih suatu program akademik yang dapat memenuhi segala keperluan asas tersebut. Di Malaysia terdapat beberapa universiti awam dan swasta yang menawarkan program akademik sukan di peringkat sarjana muda dan sarjana. Paling penting diperhatikan ialah kandungan kursus program akademik sukan itu perlulah memenuhi kriteria dan merangkumi kemahiran-kemahiran tugas yang telah dibincangkan. Bakal pengurus sukan adalah digalakkan untuk menghubungi universiti-universiti berkenaan untuk mendapat maklumat lebih lanjut tentang program sebelum

membuat sebarang keputusan. Pada kebiasaannya, program sarjana muda sains pengurusan sukan akan merangkumi tiga komponen utama: (1) Kursus Pengkhususan (2) Kursus Pengajian/Pendidikan Umum; dan (3) Latihan Amali dan Industri.

Di Amerika Utara, taraf program akademik Pengurusan Sukan telahpun ditentu, diselaras dan dipantau melalui suatu dokumen pemantauan akreditasi. Taraf piawai ini adalah hasil kerjasama dan kajian Persatuan Sukan dan Pendidikan Jasmani Kebangsaan (National Association for Sport and Physical Education - NASPE) dan Persatuan Pengurusan Sukan Amerika Utara (North American Society for Sport Management - NASSM) iaitu hasil resolusi suatu persidangan di peringkat kebangsaan pada tahun 1993. Menurut dokumen tersebut, sesuatu program sarjana muda pengurusan sukan harus menawarkan kandungan kursus yang mempunyai kaitan secara langsung dengan sukan di dalam sepuluh bidang atau dimensi iaitu: 1) dimensi tingkah laku (*behavioral dimension*) seperti sosiologi sukan, psikologi sukan, falsafah dan sebagainya 2) etika 3) pemasaran 4) komunikasi 5) skil penyeliaan (*organizational skills*) 6) pengurusan 7) ekonomi 8) perundangan 9) pentadbiran dan 10) latihan amali (Standards for Curriculum and Voluntary Accreditation of Sport Management Education Programs, 1993).

Walaupun demikian, program akademik sukan tidak diperlukan untuk mengkhususkan suatu kursus untuk setiap satu bidang. Ianya memadai sekiranya sekurang-kurangnya bidang-bidang tersebut diliputi oleh mana-mana kursus dalam sesuatu tempoh pengajian tersebut. Perlu diingat bahawa walaupun program akademik sukan ini dapat melahirkan graduan sukan yang boleh dan layak menjadi pengurus sukan namun pengalaman pendidikan (*educational experience*) yang dialami adalah perkara yang lebih penting dan harus difahami. Adakalanya hasrat untuk menjadi seorang pengurus sukan itu tidak kesampaian atas apa jua alasan, namun memandangkan kurikulum yang dicadang oleh jawatankuasa bertindak NASPE dan NASSM ini adalah agak luas, ianya membolehkan para graduan menerokai bidang pengurusan lain yang lebih umum. Sekiranya para graduan mendapati bahawa tugas sebagai pengurus sukan tidak sesuai dengan jiwa mereka, maka mereka kini mempunyai beberapa alternatif.

Di Malaysia, setakat (artikel) ini, masih belum ada usaha-usaha oleh mana-mana pihak untuk mengenal pasti kandungan asas kursus yang ditawarkan oleh program akademik sukan, seterusnya menetapkan tahap atau taraf keperluan minima yang mencukupi untuk memenuhi kehendak pasaran pengurusan sukan tempatan. Ketentuan tahap atau taraf ini amat penting demi keseragaman, penyelarasan dan pemantauan kurikulum pengurusan sukan.

Seperti juga mana-mana bidang disiplin, seperti perundangan, perubatan, perakaunan dan sebagainya, pengurusan sukan juga sedang mengalami apa yang dikatakan proses profesionalisasi (*professionalization*). Proses ini terbahagi tiga (Parks & Quarterman, 2003): Fasa 1 meliputi pengukuhan asas teori pengetahuan (kajian, penyelidikan, program akademik yang diiktiraf dan sebagainya). Fasa 2 merangkumi sub-budaya yang tersendiri (termasuklah proses sosialisasi, latihan pengembangan/pembangunan, kerjaya sepenuh masa, wujudnya persatuan profesional yang mewakili serta memantau profesion/kerjaya tersebut, wujud kod etika kerjaya). Fasa 3 merangkumi penerimaan dan pengiktirafan oleh masyarakat. Fasa ini melibatkan kesedaran masyarakat mengenai kewujudan kerjaya pengurusan sukan dan keperluan terhadapnya, keperluan lesen atau satu bentuk pengenalan kelayakan sebelum seseorang itu boleh menjadi seorang pengurus sukan dan seterusnya mewujudkan pasaran terhadap kerja tersebut.

Pengurusan sukan tempatan boleh dikatakan masih muda lagi dan dari kategori Fasa ianya masih di sekitar Fasa 1. Walaupun demikian, kemajuan yang telah kita capai dalam suasana sukan di Malaysia pada hari ini memungkinkan kita untuk mencapai taraf profesional dalam tempoh kurang dari masa yang diperlukan untuk kemajuan sukan di Amerika. Peluang untuk pengurus sukan kini sangat banyak. Pitts dan Stotlar (2002) mengenal pasti beberapa jenis sukan dan aktiviti fizikal baru yang telah muncul sejak kebelakangan ini. Antaranya 'in-line skating', 'boogie boarding', kayak salji, 'hang-gliding', luncur ais, 'knee-boarding', bola tampar pantai dan 'indoor soccer' sekadar menyebut beberapa contoh. Mungkin di masa akan datang akan kita lihat lebih banyak gimnasium dan spa di bina di rumah-rumah persendirian seperti pandangan Clement (1990) di dalam Pitts dan Stotlar (2002):

Examples of future possibilities include in-home gyms and spas, a proliferation of personal trainers, a stronger emphasis on preventive medicine, preprogrammed computer software to help people acquire physical skills, using robots as sports trainers, major advancement in communication technology

Kesemua kemungkinan ini merupakan cabaran kepada Pengurus Sukan Alaf Baru. Ada di antara perkara yang disebut Clement (1990) telahpun berlaku dan ada yang masih tidak terjangkau dalam fikiran. Pengurus sukan haruslah bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan terbaru dalam bidang mereka. Parks dan Quarterman (2003) merumuskan bahawa terdapat tiga cabaran utama yang harus diatasi oleh pengurus sukan. Cabaran ini bersifat umum memandangkan setiap tugas pengurusan sukan mempunyai cabaran yang bersifat lebih khusus dan berkaitan secara langsung dengan tugas. Cabaran tersebut adalah dari segi teknologi, etika dan tanggungjawab sosial.

Teknologi

Perkembangan teknologi yang sangat cepat dan pelbagai sejak kebelakangan ini memaksa pengurus sukan untuk bertindak tangkas dalam usaha memahami apa yang sedang berlaku. Ini penting kerana teknologi berperanan mempermudah kerja dan menjimatkan masa serta wang ringgit. Cabarannya di sini adalah untuk menggunakan sepenuhnya kemajuan teknologi untuk mencapai kemajuan dalam sukan di samping mengekalkan kesedaran tentang pentingnya interaksi manusia di dalam kehidupan seharian. Apatah lagi, kerana aktiviti sukan itu sendiri terdiri dari gabungan pelbagai elemen-elemen kemanusiaan.

Etika

Teknologi yang terlalu canggih akan menimbulkan kesukaran juga. Terutamanya tentang kekeliruan untuk menggunakannya secara beretika dan dengan tidak menyalahi perundangan. Contohnya mungkin penghasilan makanan kesihatan berteknologi tinggi yang boleh membantu atlit menjadi sempurna, ataupun dadah yang tidak akan dikesan. Rintala (1995) dalam Parks dan Quarterman (2003) pernah bertanya, "Just because we can do something as a result of science and technology, should we?"

Cabarannya kini adalah untuk memahami bahawa nilai-nilai moral dan etika harus diambil kira bersama dengan keputusan mengenai penggunaan teknologi ini. Di samping teknologi juga terdapat persoalan lain yang perlu dilihat seperti prinsip keadilan sejagat, kepentingan sukan dibanding pelajaran untuk seorang pelajar-atlit, rasuah dalam sukan dan sebagainya. Di mana kepentingan sukan berbanding keperluan masyarakat yang lebih asas? Pengurus sukan juga harus dapat menjawab soalan ini: Adakah kemenangan itu segala-galanya?

Tanggungjawab Sosial

Pada masa akan datang, seorang pengurus akan menjadi lebih peka terhadap suasana sekelilingnya dan akan menjalankan tugas-tugas yang akan memperlihatkan kepekaan beliau. Contohnya, dan ini telahpun dilihat berlaku, penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di gimnasium atau spa untuk kemudahan ibu bapa yang datang menggunakan fasiliti tersebut. Pengurus sukan juga harus sensitif dengan keseimbangan ekologi dan tuntutan masyarakat umum ke atas mereka. Contohnya seperti stadium bola tampar mudah-alih Sydney 2000 yang akan dibuka kembali selepas pertandingan kerana keengganan masyarakat setempat membiarkan pantai Bondi dicemarkan dengan pembinaan sebuah stadium.

Penutup

Pengurusan sukan tempatan harus peka terhadap perubahan aliran pengurusan industri sukan semasa kerana sejarah telah sering kali membuktikan bahawa perubahan aliran sukan amat mudah diterima oleh pengguna sukan tempatan. Cabarannya kini ialah, walaupun industri sukan negara merupakan suatu sektor ekonomi yang besar tetapi kita masih memerlukan lebih ramai para ahli akademik dan juga profesional dalam pengkhususan pengurusan sukan. Bidang pendidikan jasmani yang telah lama bertapak hanya merupakan satu komponen dalam sektor pendidikan sahaja. Justeru, industri sukan negara memerlukan perancangan yang tepat lagi berkesan dalam memajukan disiplin pengurusan sukan selari dengan halatuju, misi dan visi negara. Industri sukan merupakan industri yang unik dan memerlukan pembuatan keputusan yang berbeza menurut persekitaran industri itu yang tersendiri. Ini hanya akan tercapai sekiranya pemimpin sukan mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang tersebut. Secara perbandingannya, adalah mustahil misalnya seseorang berkelulusan dan berkemahiran kejuruteraan awam bertindak sebagai pakar bedah di hospital ataupun sekiranya Dekan/Pengarah sebuah fakulti pengajian sukan gagal mendefinisikan istilah sukan!

Negara sedang menuju ke arah profesionalisme di dalam pengurusan sukan. Jelas di sini bahawa pengurusan sukan profesional memerlukan kemahiran dan pengetahuan dalam bentuk kelayakan ikhtisas, di samping pengalaman sukan secara khusus. Langkah kerajaan menggalakkan persediaan akademik berkaitan sukan adalah suatu usaha penting demi pembangunan industri sukan negara. Pada masa yang sama industri sukan yang tetap berkembang maju terus memerlukan pengurus sukan yang sedia ada untuk menilai semula dan memperbaharui aktiviti dan program serta membuka minda untuk menerima perubahan dan anjakan paradigma yang lebih drastik dari dahulu demi memastikan pengurusan sukan moden di Malaysia lebih telus dan seimbang. Para pemimpin sukan dan para cendekiawan sukan negara hendaklah berusaha memahami dan menghayati keperluan industri ini. Sebagai asasnya, mereka

mestilah berkemahiran (terutama dari segi akademik) dalam memuaskan kehendak industri sukan negara mengatasi kepentingan peribadi. Adalah sangat malang sekiranya dasar-dasar sukan berubah-ubah dengan mudah mengikut perubahan kepimpinan tanpa justifikasi keperluannya.

Rujukan

- Brooks, C. M. (1994). *Sports marketing: Competitive business strategies for sports*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Chelladurai, P. (1986). *Sport management: Macro-perspectives*. London, ON: Sports Dynamics.
- Daft, R. (2003). *Management* (6th ed.). Mason, OH: Thomson South-Western.
- DeSensi, J. T., Kelley, D., Blanton, M. D., & Beitel, P. A. (1988). *Employer expectations of sports managers and evaluation of sports management programs in the United States*. Urbana, IL: North American Society for Sport Management Conference.
- Khoo, K. K. (1985, June 4). Sportsmen in the days of yore. *New Straits Times*. Kuala Lumpur.
- Meek, A. (1997). An estimate of the size and supported economic activity of the sport industry in the United States. *Sport Marketing Quarterly*, 6(4), 15-21.
- Megat Daud, M. A. K. (2000). The Sports Industry in Malaysia. 3rd ICHPER.SD Asia Congress. Kuala Lumpur: Salafi.
- Ming Li, Hofacre, S., & Mahony, D. (2001). *Economics of sport*. Morgantown: Fitness Information Technology.
- Mullin, B. J. (1980). Sport management: The nature and utility of the concept. *Arena Review*, 4(3), 1-11.
- National Sports Policy. (1989). Kuala Lumpur: Ministry of Sports, Malaysia.
- Parks, J. B., & Quarterman, J. (2003). *Contemporary sport management* (2nd ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Pitts, B., & Stotlar, D. K. (2002). *Fundamentals of sport marketing* (2nd ed.). Morgantown, VA: Fitness Information Technology.
- Sabirin, N. (1999). The Role of Sports Organisations in Affecting Change. IOC Sub-Regional Seminar for Women in Sports for the NOCs of Asia. Kuala Lumpur: Olympic Council of Malaysia.
- Standards for Curriculum and Voluntary Accreditation of Sport Management Education Programs. (1993). *Journal of Sport Management*, 7, 159-170.